



RUU pinda Akta Syarikat jangka dibentang Oktober ini

Oleh Omar Ahmad - Ogos 27, 2023 @ 4:37pm
bhnews@bh.com.my

JOHOR BAHRU: Rang Undang-Undang (RUU) untuk meminda Akta Syarikat 2016 akan dibentangkan di Dewan Rakyat pada Oktober ini, kata Pemangku Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd.

Beliau berkata, ketika ini RUU itu dalam usaha akhir bagi sesi libat urus membabitkan Ahli Parlimen.

Katanya, sebelum ini sebanyak 13 sesi libat urus dilaksanakan dan draf RUU yang disediakan Kabinet dan dibentangkan kepada Jabatan Peguam Negara juga sudah diluluskan.

"Insya-Allah ada beberapa usaha akhir yang perlu kita lakukan sesi libat urus dengan Ahli Parlimen dan sekiranya tidak ada halangan, kita harap dapat bentangkan RUU pada Oktober ini.

"Fokus meminda RUU ini ada dua iaitu pertama memperkukuhkan 'Corporate Rescue Mechanism' (CRM) bagi membantu komuniti usahawan yang entiti perniagaan terkesan hadapi masalah kewangan khususnya untuk membolehkan mereka diberi ruang untuk bangkit.

"Ia mengambil pengalaman sepanjang berlaku pandemik COVID-19, yang menyebabkan banyak syarikat terkesan hingga berdepan risiko gulung tikar.

"Maka kita melihat hasil maklum balas, suara, kajian dari apa yang berlaku, maka kita perlu memperluaskan CRM ini," katanya selepas Program Bimbingan Usahawan dan Sesi Libat Urus bersama Intermediari Korporat Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) 2023 Peringkat Negeri Johor di di sini, hari ini.

Armizan berkata, fokus kedua adalah untuk syarikat mematuhi standard dan piawaian antarabangsa bagi mengukuhkan pelaporan berkaitan 'Beneficial Ownership'.

Katanya, syarikat mempunyai tanggungjawab memberikan laporan maklumat kepada SSM mengenai data data berkaitan pemunya Beneficial Ownership.

"Ini kerana kita mahu syarikat mematuhi amalan tadbir urus secara telus, berakuntabiliti dan berhemat.

"Langkah ini untuk pastikan kita dapat membantu badan penguatkuasa dan penyiasat memudahkan siasatan terhadap wujudnya pihak tertentu yang berselindung untuk melakukan jenayah menggunakan entiti perniagaan," katanya.